

01 OCT 2003

MENTERI KABINET DI LANGKAWI UNTUK LIMA ADAKAN MENYUARAT MINGGUAN

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri Kabinet yang berada di sini kerana mesyaksikan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2003 (LIMA 2003) pagi ini berkumpul di "Rumah Kabinet Gunung Raya" untuk menyuarat mingguan Kabinetnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang telah merasmikan pameran antarabangsa enam hari itu mempengerusikan mesyuarat mingguan berkenaan yang bermula pada pukul 10.30 pagi.

Dr Mahathirlah yang memainkan peranan penting dalam menganjurkan LIMA yang diadakan sekali dalam dua tahun, bermula pada 1991.

Komponen pameran udara LIMA `03, diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri yang menyaksikan lebih 600 peserta mengambil bahagian dari 25 negara.

Sementara bagi seksyen maritim diadakan di Porto Malai, kira-kira 10km dari pusat itu yang telah menarik 204 peserta dari 17 negara dengan mempamerkan 90 buah kapal tentera laut dan komersil, 16 buah daripada bilangan kapal itu adalah dari luar negara.

-- BERNAMA

MAD AZZ BK